


Suara

MITASA



PEMANGKIN KEJAYAAN BERSAMA



OMBUDSMAN
DAN UNIVERSITI

MESYUARAT AGUNG
TRI TAHUNAN MITASA
2025-2028

MAJLIS SAMBUTAN HARI
DAN BULAN AKADEMIKA
UITM 2025

PEMBENTANGAN LIMA KERTAS KERJA
KESETERAAN PENYELIAAN MELIBATKAN
KENAIKAN PANGKAT

WACANA TOKOH: BAHASA DAN JATI DIRI
BANGSA DI KONVENSYEN 152 PERINGKAT
KEBANGSAAN 2025

Pembentangan Lima Kertas Kerja Kesetaraan Penyeliaan Melibatkan Kenaikan Pangkat

- Pada 17 Julai 2025, MITASA yang diketuai Presiden, Encik Saharuddin Lin telah menghadiri perjumpaan bersama Naib Canselor Universiti Teknologi MARA, Professor Datuk Dr Shahrin bin Sahib@Sahibuddin bagi membentangkan lima kertas cadangan kesetaraan penyeliaan hasil dari Bengkel Kenaikan Pangkat (Kesetaraan Penyeliaan) anjuran MITASA sebelum ini.
- Pembentangan tersebut turut disertai oleh Setiausaha MITASA, Prof Madya Dr Faridah Hussain, Bendahari MITASA, Ts Nor Azlin Rosli, Ts Dr Zaid Mujaiyid Putra Mohd Baidowi, Atifah Othman dan wakil dari UiTM Perak, Dr Ishak Ramli. Hadir sama ialah Timbalan Pendaftar Kanan, *Unit Kemajuan Kerjaya*, Encik Muhammad Huzaifah Haji Redzuan.

- Antara kertas kerja tersebut ialah penambahbaikan kesetaraan PHD untuk kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya Gred DS14(SSPA) atau Gred DM54 (SSM) bagi staf akademik UiTM, kenaikan pangkat secara laluan kerjaya ke Gred DS14(SSPA) atau Gred DM54 (SSM) tanpa gelaran Profesor Madya bagi staf akademik UiTM, kesetaraan penerbitan hasil akademik dan penyeliaan dengan karya seni kreatif, cadangan penambahbaikan kesetaraan penyeliaan untuk kenaikan pangkat dari DS13 ke DS14 dan DS14 ke VK7 bagi Pusat Asasi UiTM. Manakala yang terakhir ialah penambahbaikan kesetaraan penyeliaan untuk kenaikan pangkat dari DS13 ke DS14 dan DS14 ke VK7 bagi kampus-kampus cawangan UiTM.



PERFECTION IS NOT ATTAINABLE.

**BUT IF WE CHASE PERFECTION,
WE CAN CHASE**

EXCELLENCE.